

# MAHATHIR: MATALAMAT PELAJARAN MENYATUKAN RAKYAT

SR 21  
Kuala Lumpur, Jumaat - Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, matlamat dasar pelajaran kebangsaan adalah tidak dapat diragukan untuk menyatupadukan seluruh warganegara berbilang kaum ke arah ketahanan nasional.

Katanya, walaupun kita tidak punya dasar yang khusus dan pertumbuhannya mengikut aliran politik, tetapi tanggungjawab dan inspirasi yang diperuntukkan adalah sejajar dengan konsep rukunegara.

Bercakap kepada wakil SR dalam satu pertemuan di pejabatnya di sini, Dr. Mahathir menjelaskan tentang tanggungjawab Kementeriaannya bukan sahaja untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar malah berusaha mengimbangkan struktur perkembangan sosial antara ras.

Beliau berkata, tanggungjawab ini adalah berat dan dasar pelajaran yang dirangka mengikut penyata Razak dan Rahmad Talib sehingga ini sudah cukup dianggap berkemampuan memikul tanggungjawab tersebut.

## SISTEM

Katanya, kita boleh kalau hendak melaksanakan satu sistem yang hanya semata-mata bertujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

"Tetapi apakah akan terjadi kepada soal ketidak seimbangan pertumbuhan sosial yang ujud sejak zaman kolonial dulu."

Dasar kerajaan sekarang, tegasnya berusaha keras untuk menghapuskan jurang perbezaan di antara kaum bukan sahaja di

segi ekonomi malah sosial.

## SOSIAL

"Kita sedar bahawa struktur sosial kalau tidak diawasi akan mengakibatkan implikasi buruk," ujar beliau.

Menteri Pelajaran itu berkata, mungkin ramai kalangan intelektual yang berpendapat bahawa dasar yang ada sekarang ini tidak punya landasan khusus.

"Tetapi, bagi pihak kerajaan dasar yang ada sekarang di segi positifnya sudah dianggap berkemampuan untuk dipadankan dengan inspirasi negara.

## LENGKAP

Ini, bukanlah bererti dasar yang dijalankan sekarang sudah cukup lengkap. Kerajaan menyedari tentang beberapa kelemahan yang terdapat di dalamnya.

Beliau, menyeru golongan intelektual terutama pakar-pakar/pendidik di negara ini tampil ke muka memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam dasar pelajaran yang ada sekarang.